

19 OCT 2001

BELANJAWAN-MAHATHIR

GALAKAN PERBELANJAAN DOMESTIK, BONUS UNTUK KAKITANGAN AWAM

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membentangkan Belanjawan 2002 dengan langkah-langkah untuk memberikan rangsangan besar kepada perbelanjaan domestik di tengah-tengah ekonomi dunia yang lesu yang disebabkan oleh serangan pegganas pada 11 Sept ke atas Amerika Syarikat.

Dr Mahathir yang merupakan menteri kewangan, mengurangkan cukai pendapatan individu sebanyak satu hingga dua peratus bagi semua kumpulan pendapatan dengan kadar cukai individu tertinggi iaitu 29 peratus kini menjadi 28 peratus.

Beliau turut menggembirakan 980,995 kakitangan kerajaan di negara ini dengan mengumumkan bonus setengah bulan gaji atau minimum RM1,000 serta kenaikan gaji 10 peratus bagi tahun depan.

Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa harga runcit petrol dan diesel akan dinaikkan 10 sen berkuatkuasa esok.

Menurutnya ini bertujuan mengurangkan jumlah subsidi yang besar yang ditanggung oleh kerajaan sebanyak RM4.4 bilion, yang lebih separuh daripadanya merupakan subsidi petroleum.

Mereka yang merokok nampaknya akan terpaksa membayar harga yang lebih tinggi memandangkan duti import rokok dinaikkan kepada RM216 daripada RM180 sekilogram manakala duti eksais dinaikkan kepada RM48 daripada RM40 sekilogram.

"Kesedaran tentang bahaya merokok kepada kesihatan masih lagi rendah di kalangan rakyat dan kini tabiat merokok yang telah menular ke peringkat pelajar sekolah amat membimbangkan," kata Dr Mahathir tentang kewajaran menaikkan duti rokok itu.

Belanjawan tahun depan merupakan suatu rekod dengan jumlahnya sebanyak RM100.52 bilion, meningkat 10.4 peratus daripada jumlah tahun ini. Daripada jumlah itu, sebanyak RM66.98 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus manakala RM33.54 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Dengan anggaran hasil RM73.4 bilion, akaun keseluruhan kerajaan persekutuan dijangka mencatat defisit lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berjumlah RM18.6 bilion. Ini lebih rendah daripada RM22.4 bilion atau 6.5 peratus daripada KDNK pada 2001.

Ketika menghuraikan strategi memperkukuhkan semula pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan perbelanjaan dalam negeri, Dr Mahathir berkata: "Wang tidak akan menjana kekayaan jika ia tidak bergerak iaitu bertukar tangan. Tiap kali wang bertukar tangan, pihak yang membekal barangan atau perkhidmatan akan mendapat keuntungan manakala pihak yang menerima pembekalan akan mendapat nilai sebenar daripada wangnya.

"Lebih kerap wang bertukar tangan, lebih besarlah sumbangan wang itu kepada ekonomi negara dan kekayaannya," kata Perdana Menteri yang buat kali kedua membentangkan Belanjawan di Parlimen.

Dr Mahathir membentangkan Belanjawan 1999 pada 1998 ketika beliau menjadi pemangku menteri kewangan.

Ketika menggambarkan keadaan ekonomi dunia yang malap ekoran serangan pegganas ke atas US, beliau berkata pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tahun ini yang telah diturunkan daripada tujuh peratus kepada lima hingga enam peratus pada Mac lepas, kini diturunkan lagi kepada satu hingga dua peratus.

"Langkah proaktif, bijak dan pantas perlu diambil bagi membendung kejatuhan ini daripada berterusan.

"Kini kita tidak boleh bergantung terlalu sangat kepada perdagangan luar, sebaliknya pertumbuhan ekonomi mesti didorong oleh kegiatan perdagangan dan aktiviti ekonomi dalam negeri dan penumpuan kepada pasaran baru yang boleh kita bangunkan," kata beliau mengenai kedudukan Malaysia sebagai negara perdagangan ke-17 terbesar di dunia.

Katanya, antara langkah itu ialah pakej rangsangan sebanyak RM4.3 bilion yang diumumkan pada 25 Sept sebagai tambahan kepada pakej RM3 bilion pada Mac lepas, yang bertujuan merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri.

Perdana Menteri berkata serangan penganas ke atas U.S. bukan sahaja telah melemahkan lagi ekonomi dunia bahkan turut mengancam kestabilan politik dan keselamatan dunia sejagat.

"Kita menentang sebarang keganasan. Namun kita juga tidak bersetuju dengan peperangan yang tidak dapat dikawal untuk mengatasi keganasan kerana ini akan memburukkan lagi keadaan tanpa menyelesaikan masalah.

"Perang bukanlah langkah bijak untuk menangani keganasan kerana lebih banyak nyawa akan terkorban, lebih banyak aset negara akan musnah dan lebih ramai yang akan menderita," kata Dr Mahathir, yang akan berlepas ke Shanghai malam ini untuk menghadiri persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec), apabila beliau dijadual bertemu dengan Presiden Amerika, George W. Bush untuk membincangkan langkah membanteras keganasan.

Ketika merujuk kepada serangan yang diketuai U.S. terhadap Afghanistan, Dr Mahathir berkata: "Ia tidak akan berjaya menumpas penganas atau membendung kegiatan mereka.

"Sebabnya ialah penganas yang terlibat bukan orang Afghanistan dan mungkin tidak ramai yang berada di Afghanistan. Mereka boleh berada di mana-mana sahaja dan mungkin bertindak balas dari lokasi lain."

Beliau berkata sementara tindakan ketenteraan semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah keganasan, peperangan juga akan memburukkan lagi ekonomi dunia yang sudahpun buruk.

"Pengkangkutan ke negara tertentu yang menjadi rakan dagang akan terjejas. Insurans ke atas kapal dan penerbangan akan meningkatkan lagi kos perdagangan. Permintaan untuk barangan tertentu akan menurun sedangkan kos akan meningkat."

Mengenai Amerika, Perdana Menteri berkata ekonomi terbesar dunia itu kini tidak lagi dianggap sebagai "safe haven" bagi pelabur yang telah memindahkan dana ke pasaran yang lebih selamat dan terjamin.

"Dalam persekitaran yang sebegini prospek bagi pemulihan awal bertambah pudar. Malahan wujud risiko negara-negara industri utama akan terperangkap dalam kemelesetan. Serangan ke atas Afghanistan mungkin berpanjangan dan tidak menentu. Prospek pemulihan ekonomi dunia sudah tentu akan menjadi lebih buruk," katanya.

Selain memperkukuhkan semula pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan perbelanjaan dalam negeri, dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan melalui aktiviti dagangan dan perusahaan dalam negeri, satu lagi strategi Belanjawan 2002 ialah menentukan agihan kekayaan supaya lebih saksama antara bandar dan luar bandar, antara yang berpendapatan rendah dan yang berpendapatan tinggi dan antara negeri yang kurang maju dengan yang lebih maju di negara ini.

Untuk meningkatkan lagi kemudahan dan keselesaan rakyat luar bandar, Dr Mahathir mengumumkan perutnukan yang terbesar pernah diberikan sebanyak RM5.34 yang sebahagian besarnya untuk pertanian, pembangunan tanah dan wulayah, pembangunan kampung dan masyarakat serta jalan luar bandar, jalan kampung dan menyediakan bekalan air dan elektrik.

Dr Mahathir berkata menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelapan, bekalan air bersih akan meliputi 99 peratus penduduk Semenanjung Malaysia, 75 peratus di Sabah dan Sarawak dan 100 peratus bekalan elektrik di seluruh negara.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai jurang pendapatan yang agak luas antara yang terkaya dengan yang termiskin dan perlunya bagi kerajaan berusaha merapatkan jurang itu.

"Kita tidak nafikan bahawa yang kaya menyumbang kepada pembangunan negara melalui perbelanjaan dan pelaburan mereka.

"Secara langsung dan tidak langsung mereka mewujudkan peluang pekerjaan dan perbelanjaan mereka menyumbang kepada kelarisan perniagaan, keuntungan dan pendapatan pekerja dalam aneka jenis perniagaan dan perusahaan.

"Tetapi jika daya beli golongan yang berpendapatan rendah dapat ditingkatkan, mereka juga boleh membuat sumbangan yang sama kerana walaupun pendapatan mereka rendah, bilangan mereka amat ramai dan jumlah perbelanjaan mereka juga tentulah tinggi.

"Jika pendapatan mereka dapat ditambah, maka jumlah perbelanjaan mereka boleh menyumbang secara berkesan kepada KDNK negara. Oleh itu usaha akan dibuat untuk meningkatkan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah," katanya.

Belanjawan 2002 juga mempunyai ciri-ciri mesra wanita, dengan memberi perhatian yang lebih kepada program yang bertujuan meningkatkan kualiti hidup mereka terutama di luar bandar, membangunkan usaha wanita dan menghapuskan perbezaan antara wanita dan lelaki dalam semua lapangan.

Dr Mahathir juga tidak ketinggalan membawa berita gembira kepada balu-balu yang mengikut peraturan pada masa ini akan kehilangan pencen suami mereka yang telah meninggal dunia jika mereka berkahwin semula.

Beliau mencadangkan supaya bayaran pencen itu terus diberikan walaupun selepas mereka berkahwin semula.

Dr Mahathir menyebabkan suasana riuh dengan ketawa anggota dewan apabila beliau berkata: "Adalah diharap tidak ramai yang akan mengambil isteri muda dan meninggalkan isteri yang tua kerana peruntukan ini."

Sambil menyifatkan bosus setengah bulan gaji dan kenaikan gaji 10 peratus bagi kakitangana awam sebagai penghargaan kerajaan kepada komitmen dan dedikasi mereka, beliau berkata kerajaan prihatin tentang pendapatan mereka.

"Saya berharap ganjaran ini dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan terutamanya bagi menyambut perayaan dan sebagai persediaan bagi perbelanjaan persekolahan anak-anak."

Sambutan Hari Raya, Deepavali dan Christmas jatuh sebelum akhir tahun ini.

Beliau berkata sekiranya kerajaan mampu, kerajaan boleh menimbangkan kenaikan gaji kakitangan. Perlarasn gaji yang terakhir telah dibuat pada 1995, dan pada tahun 2000 kerajaan menaikkan gaji pokok kakitangan awam sebanyak 10 peratus.

"Pada 2002, hanya dua tahun setelah kenaikan itu, kerajaan memutuskan untuk sekali lagi menaikkan gaji sebanyak 10 peratus, atau tambahan pendapatan berjumlah 1.2 bulan gaji setahun," kata Dr Mahathir, yang juga menghapuskan sekatan bonus kepada sektor swasta sebagai cara untuk meningkatkan kuasa beli sebenar sebahagian besar rakyat.

Perdana Menteri juga mengumumkan bantuan dalam bentuk sokongan harga kepada peneroka kelapa sawit dan getah semasa menghadapi kejatuhan harga komoditi.

Bagi peneroka kelapa sawit, mereka akan diberikan bantuan sebanyak RM12 bagi setiap satu tan metrik jika harga kelapa sawit jatuh di bawah paras RM900 satu tan metrik. Peneroka getah pula akan mendapat 15 sen sekilogram jika harga getah turun di bawah paras RM2.50 sekilogram.

Dr Mahathir juga mengumumkan beberapa insentif untuk memperkembangkan Institusi Pengajian Tinggi Swasta dengan mengurangkan kos menyediakan kemudahan pendidikan.

Semua Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan Institusi Bahasa diberi

pengecualian duti import, duti eksais dan cukai jualan ke atas peralatan pembelajaran termasuk kelengkapan makmal, bengkel, studio dan makmal bahasa.

Royalti yang diterima oleh bukan pemastautin dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta bagi skim pendidikan francais diberi pengecualian cukai pendapatan.

Selain kenaikan harga rokok, petrol dan diesel, orang ramai juga mungkin perlu berbelanja lebih untuk makan di luar.

Sebagai satu cara untuk meningkatkan hasil supaya kewangan kerajaan terus kukuh, Dr Mahathir berkata nilai jualan tahunan bagi tujuan pengenaan cukai perkhidmatan bagi restoran, bar, snek bar dan "coffee house", kelab persendirian dan syarikat pengiklanan dikurangkan daripada RM500,000 kepada RM300,000.

Cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan profesional juga akan dikenakan terhadap syarikat dengan jumlah jualan tahunan RM150,000 berbanding dengan RM300,000 pada masa ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia masih menghadapi masalah sosial dan ancaman kepada perpaduan dalam sebuah negara yang memerlukan keamanan dan kedamaian untuk pembangunan ekonominya.

"Apalah ertinya perancangan dan program pembangunan yang hebat-hebat, jika tiada kehormonian dan kestabilan," katanya.

Dr Mahathir menegaskan bahawa ekstrimisme tidak ada tempat di negara ini.

Malaysia, katanya, mempunyai proses demokrasi yang tulen dengan setiap rakyat berhak memilih pemimpin melalui peti undi secara aman tanpa perlu bertindak secara keterlaluan, mengangkat senjata atau mencetuskan huru-hara. -- BERNAMA

AU AU NMO JR